



MODUL

PDPR

BAHASA MELAYU

TAHUN 6

UNIT 21 INDAHNYA

BUDAYA KITA

NAMA : _____

KELAS : _____

UNIT 21 INDAHNYA BUDAYA KITA

Bagai Aur Dengan Tebing

Wei Chuan : Apakah yang sedang dilakukan oleh mereka di sana? .

Amar : _____

Imran : Bolehkah golongan muda menyertai aktiviti ini? .

Amar : _____

Wei Chuan : Pada pendapat kamu, apakah kebaikan amalan ini

Amar : _____

Wei Chuan : _____

Imran : _____

Meraikan Tetamu

Memindahkan maklumat

www.sagepub.com/journals/titles/108033

Setibanya di rumah, Izuni terus menuju ke dapur. Langkahnya dihayun laju. Dia mahu segera mengisi perutnya yang sejak tadi asyik berkeroncong.

Tiba-tiba, Izuni terpandang sekeping nota pesanan daripada ibunya yang terlekat pada peti sejuk.

Izuni.

Ibu dan ayah terpaksa bergegas ke hospital kerana menziarahi rakan ayah yang terlibat dalam kemalangan jalan raya. Pak Long dan Mak Long dalam perjalanan ke rumah kita. Jika mereka sampai sebelum ibu dan ayah pulang, tolong sambut kedatangan mereka dengan mesra dan bersopan.

Ibumy

Setelah membaca pesanan itu, Izuni terdiam untuk seketika. Dia belum pernah menyambut kedatangan saudara-maranya seorang diri. Fikiran Izuni mula melayang mengingati pengalaman lalu.

Namun, belum pun sempat Izuni melayan seleranya, tiba-tiba kedengaran loceng rumahnya berbunyi dan telefon berdering. Izuni tergamam. Apakah yang harus dilakukannya?

Dia 

Menjawab panggilan telefon – menukar pakaian – menjamah makanan – membuka pintu – menaemas ruang tamu

Apakah yang harus dilakukannya?

Permainan Tradisional Masyarakat Kita

Catat maklumat dalam bentuk grafik

Galah panjang ialah sejenis permainan tradisional masyarakat Melayu. Permainan ini juga dikenali sebagai Toi dan Coh. Dalam permainan ini, ada dua pasukan, iaitu pasukan penyerang dan pasukan bertahan. Setiap pasukan terdiri daripada sekurang-kurangnya lima orang pemain. Pemain pasukan penyerang dikira mati jika disentuh oleh pasukan bertahan. Kemenangan ditentukan berdasarkan jumlah pasukan penyerang yang berjaya melepas kesemua garisan dan berjaya balik semula ke garisan permulaan.

Yoyo Cina ialah sejenis permainan tradisional masyarakat Cina. Permainan ini berasal dari China dan wujud sejak zaman Dinasti Ming, iaitu sekitar tahun 1386 hingga tahun 1644. Dalam permainan ini, pemain perlu menggunakan kedua-dua belah tangan untuk memutarkan yoyo. Yoyo diputar dengan lajunya dalam pelbagai aksi yang mengagumkan. Pemain perlu mengimbangi yoyo dengan menggunakan tali supaya tidak jatuh.

Kabaddi ialah sejenis permainan tradisional masyarakat India. Permainan ini berasal dari India dan berusia ribuan tahun. Permainan ini dimainkan oleh dua pasukan. Setiap pasukan mempunyai 12 orang pemain, iaitu tujuh orang pemain utama dan lima orang pemain simpanan. Dalam permainan ini, satu pasukan akan bertindak sebagai penyerang manakala pasukan yang lain bertindak sebagai pihak lawan. Pada akhir perlawanan, pasukan yang mengumpul mata tertinggi akan dikira sebagai pemenang.

Masakan dalam buluh

Nasi buluh

Ayat susunan biasa	Ayat susunan songsang
Daun bemban berbentuk seperti daun sirih	Berbentuk seperti daun sirih daun bemban.
<ol style="list-style-type: none"> 1. Sebanyak 15 hingga 25 bungkus beras dapat dimuatkan di dalam sebatang buluh. 2. Daun lerek juga dapat digunakan selain daun bemban. 2. Nasi buluh dimasak seperti lemang. 3. Nasi buluh dapat juga dimasak dengan cara merebus atau mengukusnya 	

Ayam pansuh

Ayat susunan biasa	Ayat susunan songsang
Ramuan khas dimasukkan ke dalam buluh	Ke dalam buluh ramuan khas dimasukkan.
<p>Masakan ini mengambil masa 40 hingga 50 minit untuk siap dimasak.</p> <p>Keistimewaan masakan ini terletak pada resipi asli dan aromanya.</p> <p>Lazimnya, masakan ini dimasak dan dihidangkan ketika menyambut perayaan Hari Gawai Dayak dan Hari Krismas. Masakan ini lebih enak dimakan jika dihidangkan di atas daun pisang bagi sesetengah penggemar.</p>	